

UMS bersama memacu pembangunan masyarakat dan hala tuju SMJ

UB 23.11.2023 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ditubuhkan hampir 30 tahun lalu sentiasa menjadi harapan rakyat di Sabah, khususnya pentadbiran kerajaan negeri dalam memacu pembangunan.

Justeru, pelbagai perancangan universiti telah direncanakan menerusi pendekatan slogan 'Peneraju Masyarakat Berinovasi' sebagai komitmen UMS untuk menjayakan hala tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata slogan itu diperkenalkan untuk mendekatkan warga universiti kepada masyarakat melalui pewujudan makmal hidupan dan program yang memanfaatkan masyarakat Sabah.

Katanya, ia membantu kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf sosioekonomi pembangunan negeri Sabah.

Untuk itu, katanya, UMS menggariskan beberapa pendekatan sebagai usaha menyumbang kepada pembangunan ekonomi SMJ.

Antaranya menerusi aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, akuakultur, bioteknologi, dan tenaga boleh diperbaharui.

"Aktiviti penyelidikan ini membawa kepada pembangunan teknologi dan inovasi baharu yang boleh dikomersialkan, membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu program wawancara di salah satu stesen televisyen nasional, baru-baru ini.

UMS juga katanya menekankan pembangunan modal insan melalui penyediaan pendidikan dan latihan kepada sebilangan besar pelajar dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, perniagaan, dan hospitaliti.

"Graduan ini pada akhirnya akan menyumbang kepada tenaga kerja mahir di Sabah,

sekali gus mampu memacu pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan luar ke negeri ini.

"Selain itu, UMS giat mengadakan kerjasama dengan industri dan perniagaan di Sabah untuk menyediakan sokongan kepakaran, teknologi dan penyelidikan," katanya.

Menurutnya, UMS turut menggalakkan keusahawanan dan menyediakan sokongan untuk pemula dan perniagaan kecil melalui program keusahawanan dan pusat inkubasi.

Beliau berkata usaha itu mampu memupuk ekosistem keusahawanan yang bertenaga di Sabah sekali gus membawa kepada kepelbagaian dan pertumbuhan ekonomi.

Kasim berkata UMS juga terlibat secara aktif dalam aktiviti pembangunan komuniti seperti pemindahan pengetahuan, pembangunan kapasiti, dan program tanggungjawab sosial bagi membantu meningkatkan kualiti hidup dan peluang ekonomi bagi masyarakat tempatan di Sabah.

Dalam perkembangan lain, Kasim memaklumkan UMS sehingga kini telah melahirkan lebih 80,000 graduan sepanjang kewujudannya.

"UMS yang kian dewasa ini turut dapat beradaptasi baik dengan peredaran zaman yang dipengaruhi teknologi digital yang kian rencam."

"Ini terbukti melalui catatan kadar kebolehpasaran graduan yang terus menunjukkan peningkatan positif dari tahun ke tahun."

"Malah, peluang pekerjaan yang bakal tersedia serentak dengan usaha kerajaan negeri khasnya dan kerajaan pusat umumnya mampu diisi oleh sumber manusia keluaran universiti ini," katanya.

Beliau memberi jaminan UMS akan terus memainkan peranannya sebagai sumber rujukan kepada pelbagai agensi mahupun masyarakat.